

INSTITUT PERKEMBANGAN PENDIDIKAN (IN ED)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

EP 207 MANAGEMENT STUDIES

KAJIAN YANG DI JALANKAN MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL
JENIS SENTUHAN, PERTUTURAN, PSIKOLOGI DAN ISYARAT
AKAN MEMPENGARUHI PRESTASI ANGGOTA POLIS DI IBU
PEJABAT POLIS DAERAH KEMAMAN TERENGGANU

DI SEDIAKAN UNTUK:

ENCIK RATHA KRISHNAN SUPPIAH

DI SEDIAKAN OLEH:

NAMA :AFFENDI BIN YUSUP

TARIKH :11.08.2007

KANDUNGAN

DECLARATION OF ORIGINAL WORK	ii
LETTER OF SUBMISSION	iii
PRAKATA	iv
PENGENALAN	1
BAHAGIAN 1:PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN	
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Pembentukan Kerangka Teori Daripada Ulasan Karya	6
1.6 Carta Bagi Keterangka Teori	7
1.7 Hipotesis Kajian	8
BAHAGIAN 2 : ULASAN KARYA	
2.1 Definisi Pembolehubah	9
2.1.1 Definisi Gangguan Seksual Dari Segi Perundangan	9
2.1.2 Definisi Gangguan Seksual Dari Segi Gelagat	11
2.1.3 Definisi prestasi Kerja	13
2.2 Ulasan Penyelidikan Terdahulu	14

BAHAGIAN 3 : REKA BENTUK PENYELIDIKAN

3.1	Pengukuran Pembolehubah	18
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	18
3.3.1	Populasi	18
3.3.2	Sampel	18
3.3.3	Kaedah Pengumpulan Data	19
3.3.4	Reka Bentuk	20

BAHAGIAN 4 : KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Kadar Respon Dan Ciri-ciri Responden	23
4.2	Keputusan Bagi Setiap Pengujian Hipotesis	25
4.3	Analisa Perpetrators	32

BAHAGIAN 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan Kajian	33
5.2	Cadangan Bagi Praktis	33
5.3	Cadangan Kajian Akan Datang	36
5.4	Limitasi Kajian	36

BIBLIOGRAFI	38
--------------------	----

LAMPIRAN

PENGENALAN

Gangguan seksual bukan merupakan masalah orang (iaitu gangguan seksual berlaku apabila wujud satu konflik interpretasi atau apabila kelakuan tidak sesuai dan betul) tetapi ia merupakan satu masalah organisasi dan pengurusan (iaitu gangguan seksual berlaku apabila tidak ada satu sistem pencegahan yang jelas).

Gangguan seksual merupakan satu isu di kalangan pekerja wanita yang telah lama berlaku sejak beberapa dekad yang lalu. Akan tetapi, ia hanya mula dipandang serius oleh organisasi dan pekerja sebagai satu isu yang penting selepas penghujung tahun 1980-an setelah wujudnya panduan yang sah yang menggariskan dengan jelas kesalahan gangguan seksual di tempat kerja dari segi undang-undang.

Gangguan seksual kini menjadi salah satu penekanan dalam kebanyakan kajian penyelidikan kerana pengaruhnya yang penting ke atas organisasi yang terlibat. Ekoran daripada bilangan kes gangguan seksual yang semakin meningkat, sesebuah organisasi perlu memahami dan mengetahui tentang gangguan seksual supaya ia boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Diharap kajian ini akan memfokuskan perhubungan di antara gangguan seksual dengan prestasi kerja seseorang anggota di ibu pejabat polis daerah kemaman terangganu.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh saya mengenai masalah gangguan seksual di kalangan pekerja wanita di ibu pejabat polis daerah Kemaman, gangguan seksual dalam persekitaran pekerjaan merupakan satu isu dan masalah yang sangat penting, khasnya di kalangan pekerja wanita. Gangguan seksual ini juga berlaku di kalangan pekerja lelaki di tempat kerja, tetapi angka ini adalah kecil berbanding dengan pekerja wanita. Ini terbukti oleh satu kajian yang dijalankan di ibu pejabat polis daerah Kemaman di mana terdapat seramai 37% dari 100 orang pekerja wanita dan 15% dari 170 orang pekerja lelaki pernah mengalami gangguan seksual di tempat kerja.

Menurut kajian yang dijalankan oleh kementerian pembangunan wanita dan masyarakat mendapati angka gangguan seksual banyak di laporkan di kementerian tersebut. Justeru itu menterinya Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil mengarahkan kementeriannya mengambil tindakan sewajarnya kepada persalah tersebut. Walau bagaimanapun di Malaysia amat kurang sekali kajian yang dijalankan untuk memastikan statistik tentang kejadian gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja. Namun begitu, menurut Puan Shahrum Banun C.M Din, bekas Naib Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), kumpulan yang mempunyai risiko gangguan seksual di tempat kerja ialah pekerja wanita yang berumur di dalam lingkungan 20 tahun hingga 35 tahun, dalam keadaan “terdesak” pelaku gangguan seksual tidak akan mengambilkirakan faktor taraf pendidikan, status pekerjaan, taraf perkahwinan, rupa paras, latar belakang atau umur seseorang untuk dijadikan mangsanya.

Masalah gangguan seksual boleh berlaku di mana-mana organisasi. Di samping itu, isu gangguan seksual semakin dipandang berat oleh organisasi pada masa kini kerana masalah ini melibatkan imej sesebuah organisasi, kewangan, produktiviti dan kehilangan pekerja yang berkualiti.